

**CENDER**  
**HATI ... Dr**  
**Kasim**  
**(kanan)**  
**menerima**  
**cenderahati**  
**daripada Dr**  
**Shariff**  
**selepas**  
**merasmikan**  
**Majlis**  
**Amanat**  
**Pengarah**  
**UMS-KAL.**



# Pelajar baru UMS-KAL perlu tonjolkan potensi

**LABUAN:** Pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), seharusnya berbangga kerana berjaya terpilih untuk melanjutkan pengajian di universiti tempatan yang persaingannya sangat kompetitif disamping berupaya untuk menonjolkan potensi diri.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj berkata, kehadiran pelajar baru di universiti adalah permulaan dalam perjalanan yang jauh dan berliku.

Beliau berkata, di sepanjang tiga tahun di universiti adalah masa paling berharga dan bermakna yang sewajarnya digunakan dengan sebaik yang mungkin dan penuh rasa tanggungjawab.

"Percayalah, universiti adalah tempat terbaik untuk saudara-saudari mengembangkan potensi diri dan membina keperibadian. Di univer-

siti jualah tempat kita meningkatkan ilmu dan memperkembangkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Di universiti lah terletaknya harapan dan masa depan bangsa dan negara yang tercinta ini," katanya berucap pada majlis Amanat Pengarah dan Majlis Penutupan Majlis Suai Mesra (MSM) bagi pelajar baru sesi 2010/2011 di Dewan Utama, UMS-KAL, di sini kemarin.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UMS, Prof Madya Dr Kassim Mansur.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Rosita Chong Abdullah, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran), Musnin Matersah dan Penolong Pendaftar Kanan

(HEPA), Zamri Mohd Tuah.

Seramai 585 pelajar baru termasuk 29 dari China dan 4 dari Turki mendaftar di SPKAL dan SSIL bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Sementara itu, Dr Kassim berkata pelajar perlu memikul segala amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan bukan sahaja oleh ibu bapa malah seluruh kaum keluarga dan masyarakat.

Beliau berharap, pelajar akan merebut peluang yang ada untuk bercampur gaul sesama rakan dan taulan tanpa mengira suku kaum, bangsa dan agama dalam konteks pembelajaran dan suasana ilmu.

Katanya, berada di universiti bukan semata-mata untuk mendapatkan segulung ijazah tetapi juga mendalami pelbagai ilmu di bidang akademik dan kurikulum serta kesiaran. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabah-times.com.my)